



18 Februari 2015
18 February 2015
P.U. (A) 36

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS
DEPOSIT MALAYSIA (SISTEM PREMIUM BERBEZA
BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT)
(PINDAAN) 2015

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(DIFFERENTIAL PREMIUM SYSTEMS IN RESPECT OF
DEPOSIT-TAKING MEMBERS) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT)
(PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) (Pindaan) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011 [*P.U. (A) 34/2011*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan menggantikan takrif “anggota penerima deposit baru” dengan takrif yang berikut:

“anggota penerima deposit baru” ertinya suatu institusi kewangan yang disifatkan menjadi institusi anggota menurut perenggan 36(1)(b) Akta bagi tempoh 12 bulan atau kurang, yang tempoh itu berakhir pada 31 Disember tahun taksiran pertamanya tetapi tidak termasuk—

(a) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*] yang berasal daripada suatu institusi kewangan yang menjalankan suatu perniagaan perbankan Islam yang

diluluskan di bawah subseksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];

- (b) suatu anggota penerima deposit digabung sebagaimana yang diperihalkan dalam subperenggan 16(1) Jadual; dan
- (c) suatu anggota penerima deposit yang bergabung sebagaimana yang diperihalkan dalam subperenggan 16(3) Jadual.”.

Pindaan peraturan 3

3. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “nisbah” dengan perkataan “markah”; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan memotong perkataan “atau perniagaan kewangan Islam” di mana-mana jua terdapat.

Pindaan peraturan 4

4. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “disebut” dengan perkataan “dinyatakan” di mana-mana jua terdapat; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan memotong perkataan “atau perniagaan kewangan Islam” di mana-mana jua terdapat.

Pindaan peraturan 7

5. Subperaturan 7(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “nisbah” dengan perkataan “penunjuk aras”; dan

(b) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “7” dengan perkataan “12”.

Pindaan peraturan 8

6. Subperaturan 8(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “atau selainnya mengkredit ke dalam akaun” dengan perkataan “kepada”.

Pindaan peraturan 9

7. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan memasukkan selepas perkataan “terhadap” perkataan “permohonan”.

Pindaan Jadual

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL

[Peraturan 2, 3, 4 dan 7]

Tafsiran

1. Dalam Jadual ini—

“jumlah aset” ertinya jumlah aset dalam kunci kira-kira dan nilai kredit yang bersamaan dengan nilai di luar kunci kira-kira suatu anggota penerima deposit;

“keuntungan” ertinya keuntungan atau kerugian sebelum cukai dan zakat suatu anggota penerima deposit;

“pinjaman” berhubung dengan suatu anggota penerima deposit yang memberi apa-apa kemudahan kredit konvensional ertinya apa-apa kemudahan kredit konvensional itu, dan berhubung dengan suatu anggota penerima deposit yang memberi apa-apa kemudahan pembiayaan Islam, ertinya kemudahan pembiayaan Islam itu.

Pemarkahan keseluruhan bagi anggota penerima deposit

2. Dalam memutuskan pemarkahan suatu anggota penerima deposit, Perbadanan hendaklah mengambil kira kriteria kuantitatif dan kriteria kualitatif yang dinyatakan dalam ruang (1) mengikut wajaran yang dinyatakan dalam ruang (2) dan penunjuk aras kriteria yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

<i>Kriteria</i> (1)	<i>Wajaran</i> (2)	<i>Penunjuk aras kriteria</i> (3)
Kriteria kuantitatif	60%	<p>A. Penampunan modal (rujuk subperenggan 4(1) dan perenggan 6)</p> <p>B. Prestasi dan kedudukan kewangan seperti yang berikut:</p> <p>(a) nisbah pulangan atas aset berwajaran risiko;</p> <p>(b) volatiliti pulangan yang diselaraskan dengan purata keuntungan;</p> <p>(c) nisbah jumlah pinjaman terjejas;</p> <p>(d) nisbah rizab kerugian pinjaman;</p> <p>(e) profil penumpuan pinjaman;</p> <p>(f) nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset;</p> <p>(g) nisbah pertumbuhan jumlah aset;</p> <p>(h) nisbah pinjaman kepada deposit; dan</p> <p>(i) komposisi pendeposit individu (rujuk subperenggan 4(2) dan perenggan 7)</p>
Kriteria kualitatif	40%	<p>(a) Taraf pengawasan; dan</p> <p>(b) Kriteria kualitatif lain (rujuk perenggan 9)</p>

Matriks kriteria kuantitatif

3. (1) Pemarkahan bagi kriteria kuantitatif hendaklah menggunakan pendekatan matriks dalam dua dimensi seperti yang berikut:

		<i>Penampan modal (%)</i> (rujuk subperenggan 4(1) dan perenggan 6)			
		< 2.0	≥ 2.0 tetapi < 3.0	≥ 3.0 tetapi < 4.0	≥ 4.0
<i>Prestasi dan Kedudukan Kewangan</i> (rujuk subperenggan 4(2) dan perenggan 7)	≥ 85	M6	M4	M2	M1
	≥ 70 tetapi < 85	M6	M5	M3	M2
	≥ 50 tetapi < 70	M7	M6	M4	M3
	< 50	M7	M7	M5	M4

(2) Bagi maksud subperenggan (1)—

- (a) penampan modal bagi suatu anggota penerima deposit seperti yang dihitung di bawah perenggan 6 hendaklah menentukan kedudukan anggota penerima deposit itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif;
- (b) prestasi dan kedudukan kewangan bagi suatu anggota penerima deposit seperti yang dihitung di bawah perenggan 7 hendaklah menentukan kedudukan anggota penerima deposit itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif; dan
- (c) pemetaan kedua-dua ukuran di subperenggan (a) dan (b) hendaklah menentukan kedudukan anggota penerima deposit itu dalam matriks kriteria kuantitatif yang diwakili oleh simbol M1 hingga M7.

(3) Jika kedudukan suatu anggota penerima deposit bagi suatu tahun taksiran telah ditentukan dalam kategori matriks kriteria kuantitatif yang dinyatakan dalam ruang (1), markah kriteria kuantitatif yang diberi kepada anggota penerima deposit itu bagi tahun taksiran itu hendaklah markah kriteria kuantitatif yang bersamaan dengan markah kriteria kuantitatif yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

<i>Kategori matriks kriteria kuantitatif</i> (1)	<i>Markah kriteria kuantitatif</i> (2)
M1	60
M2	55
M3	45
M4	40
M5	30
M6	25
M7	15

Kriteria kuantitatif bagi anggota penerima deposit

4. (1) Dalam pentaksiran penampunan modal bagi kriteria kuantitatif, suatu anggota penerima deposit hendaklah mengambil kira penampunan modal anggota penerima deposit itu menurut perenggan 6, yang hendaklah menentukan kedudukan anggota penerima deposit itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).

(2) Dalam pentaksiran prestasi dan kedudukan kewangan bagi kriteria kuantitatif, suatu anggota penerima deposit hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

- (a) nisbah pulangan atas aset berwajaran risiko;
- (b) volatiliti pulangan yang diselaraskan dengan purata keuntungan;
- (c) nisbah jumlah pinjaman terjejas;
- (d) nisbah rizab kerugian pinjaman;
- (e) profil penumpuan pinjaman;
- (f) nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset;
- (g) nisbah pertumbuhan jumlah aset;

- (h) nisbah pinjaman kepada deposit; dan
 (i) komposisi pendeposit individu.

(3) Bagi maksud subperenggan (2), markah maksimum penunjuk aras yang dinyatakan dalam ruang (1) berkenaan dengan prestasi dan kedudukan kewangan bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penerima deposit dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Markah maksimum</i> (2)
Nisbah pulangan atas aset berwajaran risiko	15
Volatiliti pulangan yang diselaraskan dengan purata keuntungan	10
Nisbah jumlah pinjaman terjejas	15
Nisbah rizab kerugian pinjaman	10
Profil penumpuan pinjaman	10
Nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset dan Nisbah pertumbuhan jumlah aset	15
Nisbah pinjaman kepada deposit	15
Komposisi pendeposit individu	10
Jumlah	100

(4) Jumlah markah penunjuk aras bagi prestasi dan kedudukan kewangan bagi kriteria kuantitatif suatu anggota penerima deposit adalah jumlah markah penunjuk aras menurut perenggan 7 dan hendaklah menentukan kedudukan anggota penerima deposit itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).

Maklumat bagi penghitungan penunjuk aras

5. Bagi setiap tahun taksiran, penghitungan setiap penunjuk aras hendaklah berdasarkan maklumat kewangan suatu anggota penerima deposit setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya.

Penghitungan penampungan modal

6. Penampungan modal suatu anggota penerima deposit hendaklah dihitung mengikut formula yang dinyatakan dalam ruang (2), dan nilai yang termasuk dalam julat hasil yang dinyatakan dalam ruang (3), seperti yang berikut, hendaklah menentukan kedudukan anggota penerima deposit itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1):

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)
Penampungan modal	A – B iaitu, berhubung dengan suatu anggota penerima deposit, A ialah Nisbah Jumlah Modal anggota penerima deposit itu; dan B ialah keperluan kecukupan modal minimum berhubung dengan Nisbah Jumlah Modal yang terpakai bagi anggota penerima deposit itu.	≥ 4.0% ≥ 3.0% tetapi < 4.0% ≥ 2.0% tetapi < 3.0% < 2.0%
Bagi maksud penghitungan yang ditentukan dalam ruang (2), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang sama seperti dalam Garis Panduan Sistem Premium Berbeza yang dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.		

Penghitungan dan pemarkahan bagi penunjuk aras untuk prestasi dan kedudukan kewangan

7. Penunjuk aras yang dinyatakan dalam ruang (1) bagi suatu anggota penerima deposit hendaklah dihitung mengikut formula yang dinyatakan dalam ruang (2), dan jika nilai itu termasuk dalam julat hasil yang dinyatakan dalam ruang (3), markah yang diberi kepada nilai itu hendaklah markah yang bersamaan dengan markah yang dinyatakan dalam ruang (4) seperti yang berikut:

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah</i> (4)
Nisbah pulangan atas aset berwajaran risiko	$\frac{A}{B} \times 100\%$ iaitu, berhubung dengan suatu anggota penerima deposit, A ialah keuntungan; dan B ialah purata aset berwajaran risiko	$\geq 2.75\%$	15
		$\geq 2.00\%$ tetapi $< 2.75\%$	10
		$\geq 1.00\%$ tetapi $< 2.00\%$	5
		$< 1.00\%$	0
Volatiliti pulangan yang diselaraskan dengan purata keuntungan	$\frac{A}{B}$ iaitu, berhubung dengan suatu anggota penerima deposit, A ialah sisihan piawai separa keuntungan bagi tempoh tiga tahun; dan B ialah purata keuntungan bagi tempoh yang sama	≥ 0 tetapi ≤ 0.3	10
		> 0.3 tetapi ≤ 0.7	5
		> 0.7	0
		≤ 0	0
Nisbah jumlah pinjaman terjejas	$\frac{A}{B} \times 100\%$ iaitu, berhubung dengan suatu anggota penerima deposit, A ialah jumlah pinjaman terjejas; dan B ialah jumlah pinjaman	$\leq 2.0\%$	15
		$> 2.0\%$ tetapi $\leq 3.5\%$	10
		$> 3.5\%$ tetapi $\leq 5.0\%$	5
		$> 5.0\%$	0

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah</i> (4)
Nisbah rizab kerugian pinjaman	$\frac{A}{B} \times 100\%$ <p>iaitu, berhubung dengan suatu anggota penerima deposit, A ialah jumlah peruntukan pinjaman terjejas individu, peruntukan pinjaman terjejas kolektif dan rizab pengawal selia; dan B ialah jumlah pinjaman terjejas</p>	$\geq 100.0\%$	10
		$\geq 75.0\%$ tetapi $< 100.0\%$	5
		$< 75.0\%$	0
Profil penumpuan pinjaman	$\frac{A}{B} \times 100\%$ <p>iaitu, berhubung dengan suatu anggota penerima deposit, A ialah agregat pinjaman mengikut sektor yang ditentukan oleh Perbadanan; dan B ialah jumlah pinjaman</p>	0%	10
		$> 0\%$ tetapi $\leq 25\%$	8
		$> 25\%$ tetapi $\leq 50\%$	5
		$> 50\%$	0
Nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset	$\frac{A}{B} \times 100\%$ <p>iaitu, berhubung dengan suatu anggota penerima deposit, A ialah aset berwajaran risiko yang tidak termasuk aset berwajaran risiko operasi; dan B ialah jumlah aset</p>	(Rujuk perenggan 8)	(Rujuk perenggan 8)
Nisbah pertumbuhan jumlah aset	$\frac{A - B}{B} \times 100\%$ <p>iaitu, berhubung dengan suatu anggota penerima deposit, A ialah jumlah aset bagi tahun taksiran yang sebelumnya; dan</p>		

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah</i> (4)
	B ialah jumlah aset bagi dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran		
Nisbah pinjaman kepada deposit	$\frac{A}{B} \times 100\%$ iaitu, berhubung dengan suatu anggota penerima deposit, A ialah jumlah pinjaman; dan B ialah jumlah deposit daripada pelanggan	$\leq 80\%$ $> 80\%$ tetapi $\leq 90\%$ $> 90\%$ tetapi $\leq 100\%$ $> 100\%$	15 10 5 0
Komposisi pendeposit individu	$\frac{A}{B} \times 100\%$ iaitu, berhubung dengan suatu anggota penerima deposit, A ialah jumlah deposit daripada individu; dan B ialah jumlah deposit daripada pelanggan	$\geq 30\%$ $\geq 15\%$ tetapi $< 30\%$ $< 15\%$	10 5 0
Bagi maksud penghitungan yang ditentukan dalam ruang (2), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang sama seperti dalam Garis Panduan Sistem Premium Berbeza yang dikeluarkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.			

Julat hasil dan pemarkahan bagi nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset dan nisbah pertumbuhan jumlah aset

8. Jika nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset suatu anggota penerima deposit yang dihitung di bawah perenggan 7 termasuk dalam julat hasil yang dinyatakan dalam ruang (1), dan nisbah pertumbuhan jumlah aset yang dihitung di bawah perenggan 7 termasuk dalam julat hasil yang dinyatakan dalam ruang (2), markah gabungan yang diberikan kepada kedua-dua nisbah hendaklah markah yang bersamaan dengan markah yang dinyatakan dalam ruang (3) seperti yang berikut:

<i>Julat hasil bagi nisbah aset berwajaran risiko kepada jumlah aset (1)</i>	<i>Julat hasil bagi nisbah pertumbuhan jumlah aset (2)</i>	<i>Markah (3)</i>
< 60%	< 15%	15
< 60%	≥ 15%	10
≥ 60%	< 15%	5
≥ 60%	≥ 15%	0

Kriteria kualitatif

9. Kriteria kualitatif bagi suatu anggota penerima deposit hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

- (a) taraf pengawasan anggota penerima deposit;
- (b) kegagalan oleh suatu anggota penerima deposit untuk mematuhi apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat oleh Perbadanan termasuklah garis panduan atau apa-apa kehendak kawal selia yang terpakai bagi anggota penerima deposit itu;
- (c) apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak berkuasa yang mengawal selia atau pihak berkuasa yang lain terhadap suatu anggota penerima deposit atau apa-apa perbadanan yang berkaitan dengan anggota penerima deposit termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa notis, perintah atau arahan yang berhubungan dengan apa-apa kekurangan atau ketidakpatuhan berkenaan dengan anggota penerima deposit atau perbadanan itu, suatu surat amaran, atau apa-apa kehendak atau arahan

untuk mengeluarkan suatu surat aku janji atau komitmen atau suatu resolusi lembaga pengarah;

- (d) apa-apa pelan pembedahan atau tindakan anggota penerima deposit atau perbadanan itu untuk menangani tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa di bawah subperenggan (c) termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan kemajuan pelaksanaan terma surat aku janji atau komitmen atau resolusi lembaga pengarah oleh anggota penerima deposit itu;
- (e) apa-apa penarafan atau pentaksiran suatu anggota penerima deposit oleh mana-mana agensi penarafan sama ada yang berhubungan dengan kedudukan kredit anggota penerima deposit atau keadaan kewangannya atau selainnya;
- (f) sama ada suatu anggota penerima deposit telah atau sedang menerima apa-apa bentuk bantuan daripada Bank Negara Malaysia atau Perbadanan, sama ada bantuan itu berbentuk bantuan kewangan atau selainnya; dan
- (g) apa-apa maklumat lain yang diberikan kepada Perbadanan atau yang sampai ke perhatian Perbadanan mengenai suatu anggota penerima deposit atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dengan anggota penerima deposit itu yang boleh mengancam atau memberi kesan terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kukuh atau daya maju anggota penerima deposit.

Maklumat untuk mentaksir kriteria kualitatif

10. Bagi setiap tahun taksiran, Perbadanan hendaklah mentaksir dan menentukan pemarkahan bagi suatu anggota penerima deposit berkenaan dengan kriteria kualitatif, berdasarkan maklumat yang berkaitan yang ada pada Perbadanan setakat—

- (a) 31 Disember tahun taksiran sebelumnya; atau
- (b) apa-apa tempoh lain sebagaimana yang disifatkan perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan.

Pemarkahan bagi taraf pengawasan

11. Jika taraf pengawasan suatu anggota penerima deposit adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), markah yang diberi kepada taraf pengawasan hendaklah markah yang bersamaan dengan markah yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

<i>Taraf pengawasan</i> (1)	<i>Markah</i> (2)
Penarafan 1 atau rendah atau yang setara	35
Penarafan 2 atau sederhana atau yang setara	28
Penarafan 3 atau lebih daripada sederhana atau yang setara	14
Penarafan 4 atau tinggi atau yang setara	0

Pemarkahan bagi faktor kualitatif selain taraf pengawasan

12. Perbadanan hendaklah mentaksir maklumat yang berkaitan dengan suatu anggota penerima deposit di bawah perenggan 9, selain taraf pengawasan anggota penerima deposit itu, bagi membuat taksiran terhadap maklumat itu sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), dan markah yang diberi kepada taksiran itu hendaklah markah yang bersamaan dengan markah yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

<i>Taksiran Maklumat</i> (1)	<i>Markah</i> (2)
Setakat 30 April suatu tahun taksiran, tiada maklumat telah sampai ke perhatian Perbadanan mengenai apa-apa keadaan yang merupakan suatu ancaman atau memberi kesan material terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu anggota penerima deposit	5
Setakat 30 April suatu tahun taksiran, maklumat telah sampai ke perhatian Perbadanan mengenai keadaan yang merupakan suatu ancaman atau boleh memberi kesan material terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu anggota penerima deposit	3

<i>Taksiran Maklumat</i> (1)	<i>Markah</i> (2)
Setakat 30 April suatu tahun taksiran, ada maklumat telah sampai ke perhatian Perbadanan mengenai keadaan yang memberi kesan material terhadap keadaan kewangan, keselamatan, kekukuhan atau daya maju suatu anggota penerima deposit	0

Pemarkahan maksimum di bawah sistem premium berbeza

13. (1) Pemarkahan maksimum bagi kriteria kuantitatif dan kriteria kualitatif adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) seperti yang berikut:

			<i>Markah maksimum</i> (1)	
Kriteria kuantitatif				60
Kategori matriks kriteria kuantitatif (berdasarkan pemetaan kedua-dua penampian modal serta prestasi dan kedudukan kewangan) (rujuk subperenggan 3(3))	Kategori matriks kriteria kuantitatif	Markah kategori		
	M1	60		
	M2	55		
	M3	45		
	M4	40		
	M5	30		
	M6	25		
	M7	15		
Kriteria kualitatif (rujuk perenggan 9)				40
Taraf pengawasan			35	
Faktor kualitatif selain taraf pengawasan di bawah perenggan 12			5	

			<i>Markah maksimum</i> (1)
Jumlah pemarkahan kriteria			100

(2) Jumlah pemarkahan kriteria suatu anggota penerima deposit bagi suatu tahun taksiran ialah jumlah pemarkahan bagi kriteria kuantitatif yang dinyatakan dalam subperenggan 3(3) dan pemarkahan bagi kriteria kualitatif menurut perenggan 11 dan 12 berkenaan dengan anggota penerima deposit itu bagi tahun taksiran itu.

Kategori premium

14. Jika jumlah pemarkahan kriteria suatu anggota penerima deposit bagi suatu tahun taksiran termasuk dalam julat yang dinyatakan dalam ruang (1), kategori premium yang anggota penerima deposit itu dikelaskan bagi tahun taksiran itu hendaklah kategori premium yang bersamaan dengan kategori premium yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

<i>Jumlah pemarkahan kriteria</i> (1)	<i>Kategori premium</i> (2)
≥ 85	1
≥ 65 tetapi < 85	2
≥ 50 tetapi < 65	3
< 50	4

Maklumat kuantitatif tidak cukup

15. Berkenaan dengan suatu anggota penerima deposit yang maklumat kuantitatifnya tidak mencukupi bagi maksud menghitung satu atau lebih penunjuk aras bagi suatu tahun taksiran, markah penunjuk aras itu atau gabungan markah semua penunjuk aras itu dalam tahun taksiran itu hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{(100 - B)} \times B$$

iaitu — A ialah jumlah markah kesemua penunjuk aras yang mempunyai maklumat kuantitatif bagi tahun taksiran itu; dan

B ialah markah maksimum bagi suatu penunjuk aras itu, atau jumlah markah maksimum bagi semua penunjuk aras, yang tidak mempunyai maklumat kuantitatif bagi tahun taksiran itu.

Anggota penerima deposit digabung dan anggota penerima deposit bergabung

16. (1) Bagi maksud perenggan 17 dan 18, “anggota penerima deposit digabung” ertinya suatu anggota penerima deposit yang terbentuk daripada pemerolehan satu anggota penerima deposit oleh anggota penerima deposit lain atau penyatuan dua atau lebih anggota penerima deposit pada bila-bila masa dari 1 Jun tahun taksiran sebelumnya hingga 31 Mei suatu tahun taksiran.

(2) Bagi maksud subperenggan (1)—

- (a) anggota penerima deposit digabung akan disifatkan sebagai terbentuk pada tarikh kuat kuasa yang dinyatakan dalam perintah mahkamah untuk pemindahan keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan, termasuk liabiliti deposit, anggota penerima deposit pemindah kepada anggota penerima deposit digabung;
- (b) jika terdapat lebih daripada satu tarikh kuat kuasa yang dinyatakan dalam perintah atau perintah-perintah mahkamah, tarikh yang anggota penerima deposit digabung akan disifatkan sebagai terbentuk adalah pada tarikh yang paling lewat antara tarikh-tarikh itu; dan
- (c) jika tidak terdapat perintah mahkamah untuk pemindahan, tarikh yang anggota penerima deposit digabung akan disifatkan sebagai terbentuk adalah pada tarikh yang pemindahan keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan, termasuk liabiliti deposit, anggota penerima deposit pemindah, adalah dipindahkan secara tidak boleh terbatal mengikut terma dan syarat-syarat perjanjian pemindahan, kepada anggota penerima deposit digabung.

(3) Bagi maksud perenggan 18, “anggota penerima deposit yang bergabung” ertinya salah satu daripada anggota penerima deposit yang terlibat dalam suatu penggabungan atau penyatuan dengan jumlah pemarkahan kriteria kuantitatif yang paling tinggi setakat 31 Disember bagi tahun taksiran sebelumnya.

17. Berkenaan dengan suatu tahun taksiran yang suatu anggota penerima deposit digabung terbentuk pada atau sebelum 31 Disember tahun taksiran sebelumnya—

- (a) penghitungan setiap penunjuk aras anggota penerima deposit digabung bagi kriteria kuantitatif hendaklah berdasarkan maklumat kewangan anggota penerima deposit digabung itu setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya; dan
- (b) pemarkahan anggota penerima deposit digabung itu bagi kriteria kualitatif hendaklah berdasarkan taraf pengawasan dan maklumat lain yang berkaitan mengenai anggota penerima deposit digabung itu menurut perenggan 9, setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang disifatkan perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan.

18. Berkenaan dengan suatu tahun taksiran yang suatu anggota penerima deposit digabung terbentuk selepas 31 Disember tahun taksiran sebelumnya—

- (a) penghitungan setiap penunjuk aras anggota penerima deposit digabung itu bagi kriteria kuantitatif hendaklah berdasarkan maklumat kewangan anggota penerima deposit yang bergabung setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya; dan
- (b) pemarkahan anggota penerima deposit digabung itu bagi kriteria kualitatif hendaklah berdasarkan taraf pengawasan dan maklumat lain yang berkaitan mengenai anggota penerima deposit yang bergabung menurut perenggan 9, setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang disifatkan perlu atau suai manfaat oleh Perbadanan.”.

Dibuat 17 Februari 2015
[PIDM/PN/01/2015; PN(PU2)651/IV]

TAN SRI DATUK DR ABDUL SAMAD HAJI ALIAS
Pengerusi
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION ACT 2011

MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION (DIFFERENTIAL PREMIUM SYSTEMS
IN RESPECT OF DEPOSIT-TAKING MEMBERS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2015

IN exercise of the powers conferred by section 53 of the Malaysia Deposit Insurance Corporation Act 2011 [*Act 720*], the Corporation makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Malaysia Deposit Insurance Corporation (Differential Premium Systems in respect of Deposit-Taking Members) (Amendment) Regulations 2015**.

(2) These Regulations shall have effect from the assessment year of 2015.

Amendment of regulation 2

2. The Malaysia Deposit Insurance Corporation (Differential Premium Systems in respect of Deposit-Taking Members) Regulations 2011 [*P.U. (A) 34/2011*], which is referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, is amended in regulation 2 by substituting for the definition of “new deposit-taking member” the following definition:

“new deposit-taking member” means a financial institution which is deemed to be a member institution by virtue of paragraph 36(1)(b) of the Act for a period of 12 months or less, such period ending on 31 December of its first assessment year but does not include—

(a) an Islamic bank licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 [*Act 759*] that originated from a financial institution carrying on Islamic banking business approved under subsection 15(1) of the Financial Services Act 2013 [*Act 758*];

(b) an amalgamated deposit-taking member as described in subparagraph 16(1) of the Schedule; and

- (c) an amalgamating deposit-taking member as described in subparagraph 16(3) of the Schedule.”.

Amendment of regulation 3

3. Regulation 3 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (1), by substituting for the word “ratios” the word “score”; and
- (b) in subregulation (2), by deleting the words “or Islamic financial business” wherever appearing.

Amendment of regulation 4

4. Regulation 4 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (1), in the national language text by substituting for the word “disebut” the word “dinyatakan” wherever appearing; and
- (b) in subregulation (2), by deleting the words “or Islamic financial business” wherever appearing.

Amendment of regulation 7

5. Subregulation 7(2) of the principal Regulations is amended—

- (a) in paragraph (b), by substituting for the word “ratio” the word “indicator”; and
- (b) in paragraph (c), by substituting for the word “7” the word “12”.

Amendment of regulation 8

6. Subregulation 8(2) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “or otherwise credit to the account of” the word “to”.

Amendment of regulation 9

7. Regulation 9 of the principal Regulations is amended in the national language text by inserting after the word “terhadap” the word “permohonan”.

Amendment of the Schedule

8. The principal Regulations is amended by substituting for the Schedule the following Schedule:

“SCHEDULE
[Regulations 2, 3, 4 and 7]

Interpretation

1. In this Schedule—

“total assets” means the sum of the on balance sheet assets and the credit equivalent value of the off balance sheet assets of a deposit-taking member;

“profit” means the profit or loss before tax and *zakat* of a deposit-taking member;

“loan” in relation to a deposit-taking member giving any conventional credit facility means such conventional credit facility, and in relation to a deposit-taking member giving any Islamic financing facility, means such Islamic financing facility.

Overall scoring for deposit-taking member

2. In determining the scoring of a deposit-taking member, the Corporation shall take into account the quantitative and qualitative criteria specified in column (1) according to the weightages specified in column (2) and the criteria indicators specified in column (3) as follows:

<i>Criteria</i> (1)	<i>Weightage</i> (2)	<i>Criteria indicators</i> (3)
Quantitative criteria	60%	A. Capital buffer (refer to subparagraph 4(1) and paragraph 6)

<i>Criteria</i> (1)	<i>Weightage</i> (2)	<i>Criteria indicators</i> (3)
		B. Financial performance and condition as follows: <i>(a)</i> return on risk-weighted assets ratio; <i>(b)</i> mean-adjusted return volatility; <i>(c)</i> total impaired loan ratio; <i>(d)</i> loan loss reserves ratio; <i>(e)</i> loan concentration profile; <i>(f)</i> risk-weighted assets to total assets ratio; <i>(g)</i> total assets growth ratio; <i>(h)</i> loans to deposits ratio; and <i>(i)</i> composition of individual depositors (refer to subparagraph 4(2) and paragraph 7)
Qualitative criteria	40%	<i>(a)</i> Supervisory rating; and <i>(b)</i> Other qualitative criteria (refer to paragraph 9)

Quantitative criteria matrix

3. (1) The quantitative criteria shall be scored in a two-dimensional matrix approach as follows:

		<i>Capital buffer (%)</i> (refer to subparagraph 4(1) and paragraph 6)			
		< 2.0	≥ 2.0 but < 3.0	≥ 3.0 but < 4.0	≥ 4.0
<i>Financial Performance and Condition</i> (refer to subparagraph 4(2) and paragraph 7)	≥ 85	M6	M4	M2	M1
	≥ 70 but < 85	M6	M5	M3	M2
	≥ 50 but < 70	M7	M6	M4	M3
	< 50	M7	M7	M5	M4

(2) For the purposes of subparagraph (1)—

- (a) the capital buffer of a deposit-taking member as computed under paragraph 6 shall determine the position of the deposit-taking member along the horizontal axis of the quantitative criteria matrix;
- (b) the financial performance and condition of a deposit-taking member as computed under paragraph 7 shall determine the position of the deposit-taking member along the vertical axis of the quantitative criteria matrix; and
- (c) the mapping of both measures in subparagraphs (a) and (b) shall determine the position of the deposit-taking member in the quantitative criteria matrix as represented by the symbols M1 to M7.

(3) Where the position of a deposit-taking member for an assessment year has been determined in the quantitative criteria matrix category specified in column (1), the quantitative criteria score assigned to the deposit-taking member for that assessment year shall be the corresponding quantitative criteria score specified in column (2) as follows:

<i>Quantitative criteria matrix category</i> (1)	<i>Quantitative criteria score</i> (2)
M1	60
M2	55
M3	45
M4	40
M5	30
M6	25
M7	15

Quantitative criteria for deposit-taking member

4. (1) In the assessment of the capital buffer of the quantitative criteria, a deposit-taking member shall take into account the capital buffer of the deposit-taking member pursuant to paragraph 6 which shall determine the position of the deposit-taking member along the horizontal axis of the quantitative criteria matrix in subparagraph 3(1).

(2) In the assessment of the financial performance and condition of the quantitative criteria, a deposit-taking member shall take into account the following factors:

- (a) return on risk-weighted assets ratio;
- (b) mean-adjusted return volatility;
- (c) total impaired loan ratio;
- (d) loan loss reserves ratio;
- (e) loan concentration profile;
- (f) risk-weighted assets to total assets ratio;
- (g) total asset growth ratio;

- (h) loans to deposits ratio; and
- (i) composition of individual depositors.

(3) For the purposes of subparagraph (2), the maximum score of the indicators specified in column (1) in respect of the financial performance and condition of the quantitative criteria of a deposit-taking member is specified in column (2) as follows:

<i>Indicators</i> (1)	<i>Maximum score</i> (2)
Return on risk-weighted assets ratio	15
Mean-adjusted return volatility	10
Total impaired loan ratio	15
Loan loss reserves ratio	10
Loan concentration profile	10
Risk-weighted assets to total assets ratio and Total asset growth ratio	15
Loans to deposits ratio	15
Composition of individual depositors	10
Total	100

(4) The total score of the indicators for the financial performance and condition of the quantitative criteria of a deposit-taking member shall be the sum of the score of the indicators pursuant to paragraph 7 and shall determine the position of the deposit-taking member along the vertical axis of the quantitative criteria matrix in subparagraph 3(1).

Information for computation of indicators

5. For every assessment year, the computation of each indicator shall be based on the financial information of a deposit-taking member as at 31 December of the preceding assessment year.

Computation of capital buffer

6. The capital buffer of a deposit-taking member shall be computed in accordance with the formula specified in column (2), and the value that falls within the range of results specified in column (3), as follows, shall determine the position of the deposit-taking member along the horizontal axis of the quantitative criteria matrix in subparagraph 3(1):

<i>Indicator</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Range of results</i> (3)
Capital buffer	A - B where, in relation to a deposit-taking member, A is the Total Capital Ratio of the deposit-taking member; and B is the minimum capital adequacy requirement in relation to the Total Capital Ratio which is applicable to the deposit-taking member.	$\geq 4.0\%$ $\geq 3.0\%$ but $< 4.0\%$ $\geq 2.0\%$ but $< 3.0\%$ $< 2.0\%$
For the purposes of the computation as specified in column (2), the terms used in the formula shall have the same meaning as in the Guidelines on the Differential Premium Systems as may be issued by the Corporation from time to time.		

Computation and scoring of indicators for financial performance and condition

7. The indicators specified in column (1) for a deposit-taking member shall be computed in accordance with the formula specified in column (2), and where such value falls within the range of results specified in column (3), the score assigned to such value shall be the corresponding score specified in column (4) as follows:

<i>Indicators</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Range of results</i> (3)	<i>Score</i> (4)
Return on risk-weighted assets ratio	$\frac{A}{B} \times 100\%$	$\geq 2.75\%$	15
		$\geq 2.00\%$ but $< 2.75\%$	10

<i>Indicators</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Range of results</i> (3)	<i>Score</i> (4)
	where, in relation to a deposit-taking member, A is the profit; and B is the average risk-weighted assets	≥ 1.00% but < 2.00% < 1.00%	5 0
Mean-adjusted return volatility	$\frac{A}{B}$ where, in relation to a deposit-taking member, A is the semi-standard deviation of profit over a period of three years; and B is the mean profit over the same period	≥ 0 but ≤ 0.3 > 0.3 but ≤ 0.7 > 0.7 ≤ 0	10 5 0 0
Total impaired loans ratio	$\frac{A}{B} \times 100\%$ where, in relation to a deposit-taking member, A is the total impaired loans; and B is the total loans	≤ 2.0% > 2.0% but ≤ 3.5% > 3.5% but ≤ 5.0% > 5.0%	15 10 5 0
Loan loss reserves ratio	$\frac{A}{B} \times 100\%$ where, in relation to a deposit-taking member, A is the sum of individual loan impairment provisions, collective loan impairment provisions and regulatory reserves; and B is the total impaired loans	≥ 100.0% ≥ 75.0% but < 100.0% < 75.0%	10 5 0

<i>Indicators</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Range of results</i> (3)	<i>Score</i> (4)
Loan concentration profile	$\frac{A}{B} \times 100\%$ <p>where, in relation to a deposit-taking member, A is the aggregated loans by sector specified by the Corporation; and B is the total loans</p>	<p>0%</p> <p>> 0% but ≤ 25%</p> <p>> 25% but ≤ 50%</p> <p>> 50%</p>	<p>10</p> <p>8</p> <p>5</p> <p>0</p>
Risk-weighted assets to total assets ratio	$\frac{A}{B} \times 100\%$ <p>where, in relation to a deposit-taking member, A is the risk-weighted assets excluding the operational risk-weighted assets; and B is the total assets</p>	(Refer to paragraph 8)	(Refer to paragraph 8)
Total asset growth ratio	$\frac{A - B}{B} \times 100\%$ <p>where, in relation to a deposit-taking member, A is the total assets of the preceding assessment year; and B is the total assets of two years preceding the assessment year</p>		
Loans to deposits ratio	$\frac{A}{B} \times 100\%$ <p>where, in relation to a deposit-taking member, A is the total loans; and B is the total deposits from customers</p>	<p>≤ 80%</p> <p>> 80% but ≤ 90%</p> <p>> 90% but ≤ 100%</p> <p>> 100%</p>	<p>15</p> <p>10</p> <p>5</p> <p>0</p>

<i>Indicators</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Range of results</i> (3)	<i>Score</i> (4)
Composition of individual depositors	$\frac{A}{B} \times 100\%$ <p>where, in relation to a deposit-taking member, A is the total deposits from individuals; and B is the total deposits from customers</p>	≥ 30%	10
		≥ 15% but < 30%	5
		< 15%	0
For the purposes of the computation as specified in column (2), the terms used in the formula shall have the same meaning as in the Guidelines on the Differential Premium Systems as may be issued by the Corporation from time to time.			

Range of results and scoring for risk-weighted assets to total assets ratio and total asset growth ratio

8. Where the risk-weighted assets to total assets ratio of a deposit-taking member computed under paragraph 7 falls within the range of results specified in column (1), and the total asset growth ratio computed under paragraph 7 falls within the range of results specified in column (2), the combined score assigned to both ratios shall be the corresponding score specified in column (3) as follows:

<i>Range of results for risk-weighted assets to total assets ratio</i> (1)	<i>Range of results for total asset growth ratio</i> (2)	<i>Score</i> (3)
< 60%	< 15%	15
< 60%	≥ 15%	10
≥ 60%	< 15%	5
≥ 60%	≥ 15%	0

Qualitative criteria

9. The qualitative criteria for a deposit-taking member shall take into account the following factors:

- (a) the supervisory rating of the deposit-taking member;
- (b) a failure by a deposit-taking member to comply with any subsidiary legislation made by the Corporation, including guidelines, or with any regulatory requirement that applies to the deposit-taking member;
- (c) any action taken by any regulatory or other authority against a deposit-taking member or any corporation related to the deposit-taking member including but not limited to any notice, order or instruction relating to any deficiency or non-compliance in respect of the deposit-taking member or such corporation, a letter of warning, or any requirement or instruction for issuance of a letter of undertaking or commitment or a resolution of the board of directors;
- (d) any correction or action plan of the deposit-taking member or such corporation to address the action taken by such authority under subparagraph (c) including but not limited to the progress report on the implementation by the deposit-taking member of the terms of the letter of undertaking or commitment or the resolution of the board of directors;
- (e) any rating or assessment of a deposit-taking member by any rating agency whether relating to the credit standing of the deposit-taking member or its financial condition or otherwise;
- (f) whether a deposit-taking member has received or is receiving any form of assistance from Bank Negara Malaysia or the Corporation, such assistance being financial or otherwise; and

- (g) any other information provided to the Corporation or that comes to the attention of the Corporation about a deposit-taking member or any corporation related to the deposit-taking member which may threaten or affect the financial condition, safety, soundness or viability of the deposit-taking member.

Information for assessing qualitative criteria

10. For every assessment year, the Corporation shall assess and determine the scoring of a deposit-taking member with respect to the qualitative criteria, based on the relevant information available to the Corporation up to—

- (a) 31 December of the preceding assessment year; or
- (b) any other period as may be deemed necessary or expedient by the Corporation.

Scoring for supervisory rating

11. Where the supervisory rating of a deposit-taking member is as specified in column (1), the score assigned to such supervisory rating shall be the corresponding score specified in column (2) as follows:

<i>Supervisory rating</i> (1)	<i>Score</i> (2)
Rating of 1 or low or equivalent	35
Rating of 2 or moderate or equivalent	28
Rating of 3 or above average or equivalent	14
Rating of 4 or high or equivalent	0

Scoring for qualitative factors other than supervisory rating

12. The Corporation shall assess the relevant information of a deposit-taking member under paragraph 9, other than the supervisory rating of the deposit-taking member, to make an assessment of such information as specified in column (1), and the score assigned to such assessment shall be the corresponding score specified in column (2) as follows:

<i>Assessment of information</i> (1)	<i>Score</i> (2)
As at 30 April of an assessment year, no information has come to the attention of the Corporation about any circumstances that represent a threat to or materially affect the financial condition, safety, soundness or viability of a deposit-taking member.	5
As at 30 April of an assessment year, information has come to the attention of the Corporation about circumstances that represent a threat to or may materially affect the financial condition, safety, soundness or viability of a deposit-taking member.	3
As at 30 April of an assessment year, information has come to the attention of the Corporation about circumstances that materially affect the financial condition, safety, soundness or viability of a deposit-taking member.	0

Maximum scoring under differential premium systems

13. (1) The maximum scoring for the quantitative criteria and qualitative criteria shall be as set out in column (1) as follows:

			<i>Maximum score</i> (1)	
Quantitative criteria				60
Quantitative criteria matrix category (based on mapping of both capital	Quantitative criteria matrix category	Category score		

			<i>Maximum score (1)</i>	
buffer and financial performance and condition) (refer to subparagraph 3(3))	M1	60		
	M2	55		
	M3	45		
	M4	40		
	M5	30		
	M6	25		
	M7	15		
Qualitative criteria (refer to paragraph 9)				40
Supervisory rating			35	
Qualitative factors other than supervisory rating under paragraph 12			5	
Total criteria scoring				100

(2) The total criteria scoring of a deposit-taking member for an assessment year shall be the sum of the scoring of the quantitative criteria as specified in subparagraph 3(3) and the scoring of the qualitative criteria pursuant to paragraphs 11 and 12 in respect of the deposit-taking member for that assessment year.

Premium category

14. Where the total criteria scoring of a deposit-taking member for an assessment year falls within the range specified in column (1), the premium category in which the deposit-taking member is classified for that assessment year shall be the corresponding premium category specified in column (2) as follows:

<i>Total criteria scoring</i> (1)	<i>Premium category</i> (2)
≥ 85	1
≥ 65 but < 85	2
≥ 50 but < 65	3
< 50	4

Insufficient quantitative information

15. In respect of a deposit-taking member with insufficient quantitative information for the purpose of computing one or more indicators for an assessment year, the score for such an indicator or the combined score for all such indicators in that assessment year shall be determined in accordance with the following formula:

$$\frac{A}{(100 - B)} \times B$$

where — A is the sum of the score for all indicators with available quantitative information for that assessment year; and

B is the maximum score for such an indicator, or the sum of the maximum score for all such indicators, without available quantitative information for that assessment year.

Amalgamated deposit-taking member and amalgamating deposit-taking member

16. (1) For the purposes of paragraphs 17 and 18, “amalgamated deposit-taking member” means a deposit-taking member formed from the acquisition of one deposit-taking member by another deposit-taking member or the merger of two or more deposit-taking members at anytime from 1 June of the preceding assessment year to 31 May of an assessment year.

(2) For the purposes of subparagraph (1)—

- (a) the amalgamated deposit-taking member will be deemed to be formed on the effective date specified in any court order for the transfer of the whole or part of the business, including deposit liabilities, of the transferring deposit-taking member to the amalgamated deposit-taking member;
- (b) where there is more than one effective date specified in any court order or orders, the date on which the amalgamated deposit-taking member will be deemed to be formed will be on the latest of those dates; and
- (c) where there is no court order for the transfer, the date on which the amalgamated deposit-taking member will be deemed to be formed will be the date on which the transfer of the whole or part of the business, including deposit liabilities, of the transferring deposit-taking member, are irrevocably transferred in accordance with the terms and conditions of the transfer agreements, to the amalgamated deposit-taking member.

(3) For the purposes of paragraph 18, “amalgamating deposit-taking member” means any one of the deposit-taking members involved in an amalgamation or a merger with the highest total scoring for quantitative criteria as of 31 December of the preceding assessment year.

17. In respect of an assessment year where an amalgamated deposit-taking member is formed on or before 31 December of the preceding assessment year—

- (a) the computation of each indicator of the amalgamated deposit-taking member for the quantitative criteria shall be based on the financial information of the amalgamated deposit-taking member as at 31 December of the preceding assessment year; and

- (b) the scoring of the amalgamated deposit-taking member for the qualitative criteria shall be based on the supervisory rating and other relevant information of the amalgamated deposit-taking member pursuant to paragraph 9, as at 31 December of the preceding assessment year or any other period as may be deemed necessary or expedient by the Corporation.

18. In respect of an assessment year where an amalgamated deposit-taking member is formed after 31 December of the preceding assessment year—

- (a) the computation of each indicator of the amalgamated deposit-taking member for the quantitative criteria shall be based on the financial information of the amalgamating deposit-taking member as at 31 December of the preceding assessment year; and
- (b) the scoring of the amalgamated deposit-taking member for the qualitative criteria shall be based on the supervisory rating and other relevant information of the amalgamating deposit-taking member pursuant to paragraph 9, as at 31 December of the preceding assessment year or any other period as may be deemed necessary or expedient by the Corporation.”.

Made 17 February 2015
[PIDM/PN/01/2015; PN(PU2)651/IV]

TAN SRI DATUK DR ABDUL SAMAD HAJI ALIAS
Chairman
Malaysia Deposit Insurance Corporation